

Foto : Versi baru perisian solidThinking Reka Bentuk/Gaya Industri dilancar di seluruh dunia

TROY, Mich., 22 Julai /PRNewswire-AsiaNet/ --

Perisian Itali yang telah terbukti meningkatkan proses pembangunan konsep, memperkasa komuniti kreatif bagi mencipta, meneroka dan menilai idea sepenuhnya dengan cepat dan berkos efektif

Syarikat perisian utama dalam reka bentuk/gaya industri solidThinking (www.solidthinking.com) -- yang secara senyap-senyap mengembangkan penguasaan bahagian pasarannya sebagai perkakasan pilihan dominan bagi firma-firma reka bentuk Itali dan pereka cipta industri bagi segala-galanya dari barangan kemas dan peranti elektronik hinggalah perabot dan kapal layar -- kini melancarkan versi terkini bagi para pengguna windows dan Mac di seluruh dunia.

Bagi melihat siaran berita multimedia, layari :
<http://www.prnewswire.com/mnr/altair/34019/>

"Kami sangat bangga untuk memperkenalkan komuniti reka bentuk global kepada keluaran solidThinking yang sangat lengkap dan terkini" kata Alessandro

(Alex) Mazzardo, naib presiden pemasaran dan strategi produk, yang memulakan solidThinking pada 1991 bersama saudara lelakinya Mario Mazzardo, naib presiden

bagi pengurusan dan strategi produk. "solidThinking sangat fleksibel, perisian reka bentuk 'what-if' yang memperkasa dan mewujudkan komuniti yang kreatif --

pereka cipta industri, pusat-pusat gaya, pereka konsep, firma reka bentuk dan sesiapa sahaja yang mencipta produk konsep - untuk mencipta, meneroka, dan

menilai idea-idea baru dengan mudah, cepat dan berkos efektif, tanpa terhad kepada perisian tradisional,"

"Komuniti reka bentuk solidThinking mendapat manfaat daripada memiliki salah satu daripada enjin terpantas, bersepadu sepenuhnya yang berkeupayaan untuk menyediakan model-model mutlak foto realistik berkualiti tinggi," kata Mario Mazzardo. "solidThinking memampatkan kitaran pembangunan

produk dengan mengecilkan spektrum konsep yang berdaya maju secara mutlak, mengurangkan jumlah bilangan prototaip fizikal dan mengelak keperluan untuk

menginterpretasi semula reka bentuk antara pereka cipta dan jurutera."

Membebaskan pereka cipta daripada kekangan perisian lain dalam pelbagai cara, solidThinking versi 7.6 menggabungkan banyak ciri-ciri menarik. Ia:

-- Menawarkan ciri terbaik dalam kelasnya, baru, sejarah pembangunan

interaktif tanpa had yang membolehkan para pengguna mudah meneroka reka bentuk alternatif berbanding reka bentuk yang sedia ada. Pada teras keupayaannya bagi membentuk semula model-model 3D, solidThinking ialah pencetus idea sebenar yang mempromosikan inovasi.

-- Menggalakkan para pengguna bertukar-tukar fikiran pada bila-bila masa proses membuat reka bentuk. Daripada memulakan daripada peringkat awal ketika

idea baru atau arah tuju diperolehi, pereka cipta boleh menggunakan sejarah pembangunan bagi menyemak semula hasil ciptaan mereka dan melakukan inovasi.

-- Membolehkan penyuntingan secara tepat masa dengan keupayaan interaktif sepenuhnya; variasi dan perubahan dilakukan dalam masa beberapa saat sahaja.

-- Membolehkan penyuntingan parameter serentak dan penyuntingan pada titik kawalan; malah semasa mereka mahu reka bentuk permukaan yang halus menerusi penyuntingan, para pengguna hanya perlu menyemak semula beberapa titik kawalan.

-- menawarkan ketepatan dan fleksibiliti yang belum pernah berlaku sebelum ini bagi lukisan berlekuk dan set lengkap perkakasan pemodelan.

-- Menawarkan salah satu daripada enjin paling pantas, menyeluruh, bersepadu sepenuhnya dan antara muka pengguna intuitif untuk pentafsiran.

-- menghasilkan foto realistik pentafsiran 3D yang pantas, berkualiti tinggi, bagi meneroka warna dan kemasan dengan mudah, dan iluminasi global.

-- Bersepadu sepenuhnya dengan kejuruteraan/pengilangan/reka bentuk sistem dibantu komputer (CAD/CAM/CAE).

-- Ia kini merupakan satu-satunya penyelesaian reka bentuk industri dibantu komputer (CAID) yang tersedia untuk kedua-dua Windows dan Mac OS X.

Syarikat-syarikat yang bergantung kepada solidThinking termasuklah kebanyakan syarikat reka bentuk terkemuka dunia dalam bidang perabot, peranti elektronik, automobil, lampu, kasut, barang kemas, jam, peralatan sukan, kapal layar, pembungkusan pengguna dan produk-produk lain. Beribu-ribu pereka cipta menggunakan solidThinking untuk membangunkan produk-produk dan pembungkusan seperti syarikat-syarikat dan jenama terkemuka seperti Azimut Yachts, Bulgari, Cartier, Diesel, DuPont, Fujitsu, Hugo Boss, Italdesign Giugiaro, Korg, MacGregor Golf, Mares, Masterfoods, Merck, Nestle, Nikon, Panerai, Peg Perego, Pininfarina, Scavolini, Thomson, Tisettanta, Toshiba, Toyota, Volkswagen dan Volvo.

Keluaran solidThinking versi 7.6 untuk global -- termasuk enjin pentafsiran yang dikemas kini, antara muka pengguna yang diselaraskan, kandungan foto

realistik yang kaya, fungsian dan pelbagai lagi peningkatan yang bertumpukan kepada pengguna -- dilakukan susulan pengambilalihan aset-aset syarikat oleh

Altair Engineering, Inc. (www.altair.com) yang berpejabat di Michigan. Sebuah syarikat penyedia teknologi utama global, Altair mempunyai pengalaman padu

dalam pembangunan saluran jualan dan kepakaran sokongan bagi meningkatkan penerimaan solidThinking merentas pelbagai sektor perniagaan dan geografi. Robert

Little, yang sebelum ini berkhidmat sebagai presiden Altair Engineering Canada, Ltd., kini berkhidmat sebagai presiden solidThinking.

"solidThinking 7.6 menawarkan anggotanya dalam komuniti reka bentuk industri global dan persekitaran bahawa ia akan meningkatkan keupayaan mereka untuk

meneroka idea-idea baru dan menarik rakan-rakan sekerja dengan imej yang begitu realistik, pada harga yang menawarkan nilai cemerlang dan pulangan ke atas

pelaburan," kata Little.

Pengarah Gartner Research Marc Halpern, yang mengulas mengenai pentingnya perisian reka bentuk industri, berkata "perisian reka bentuk industri kini

menjadi semakin penting sebagai kaedah untuk menyelaraskan aliran kerja daripada peringkat konsep kepada pengenalan produk baru dengan membolehkan lebih

ramai pengguna memanfaatkan model-model 3D dalam reka bentuk produk, pemasaran, pengilangan dan jualan."

Perakuan pengguna

"solidThinking merupakan perkakasan tepat untuk meningkatkan penyelesaian reka bentuk baru dalam cara yang intuitif," demikian menurut Marco Borraccino, ketua bahagian reka bentuk di Panerai, sebuah syarikat pengilang mewah yang terkemuka dan mendapat perhatian tinggi di peringkat global. "Saya sudah menggunakan solidThinking selama beberapa tahun, keluaran demi keluaran, produk ini secara konsistennya telah meningkatkan fungsian yang memberi tumpuan terhadap keperluan pengguna. lebih-lebih lagi, enjin pentafsiran tertanam cepat menawarkan pentafsiran yang mengagumkan."

"solidThinking membantu kami memampatkan kitaran pembangunan produk beberapa kali ganda," demikian menurut Aristide Barone, pengurus reka cipta di Mares, sebuah syarikat pengilang dunia bagi produk-produk teknologi canggih. "kami bangga melihat peningkatan berterusan produk ini."

"Akhirnya, sebuah perisian sebenar bagi reka cipta industri yang membolehkan kami untuk bergerak pantas dari lukisan pertama hinggalah kepada keputusan

akhir yang kami hantar untuk proses membuat prototaip atau pengilangan," demikian menurut Paolo Capeci, ketua bahagian jabatan reka cipta Korg, Itali yang

mengeluarkan instrumen muzik elektronik. "Saya memilih solidThinking kerana ia menawarkan sejarah pembinaan yang berkuasa, intuitif, pemodelan; dan, menerusi sejarah pembangunannya, saya dapat mengawal aliran kerja."

"Kami sudah menggunakan solidThinking sejak enam tahun lepas bagi menterjemahkan pemikiran kami dalam objek tiga dimensi," kata Jr Neville Songwe, pereka

cipta produk dan presiden Joneso Design and Consulting, Inc., yang mencipta Brijo, satu reka bentuk utama platform komunikasi dan maklumat dalam kenderaan

yang menyepadukan peranti-peranti teknologi dalam papan tera kenderaan-kenderaan penguatkuasa. "Keunikan yang kami peroleh daripada solidThinking ialah ia

mudah diguna dan fleksibel kepada pereka cipta produk kami. Ia merupakan antara beberapa aplikasi perisian yang dibangunkan dan disesuaikan untuk pereka

cipta produk. Ia memudahkan kreativiti dan meminimumkan bebanan teknikal, yang aplikasi perisian 3 dimensi lain tidak dapat melakukannya sebaik mungkin."

Lihat, cuba dan belinya
Komuniti kreatif digalakkan mencuba solidThinking hari ini. Untuk melihatnya, mencuba dan membelinya, sila layari www.solidthinking.com untuk : melihat video demo; pelajari peluang-peluang untuk menyertai dalam demo produk/webinars; muat turun versi percubaan perisian solidThinking; dan membeli perisian itu.

Maklumat mengenai solidThinking, Inc.
solidThinking, Inc., beribu pejabat di Troy, Michigan (USA), membangun dan memasarkan perisian reka bentuk/gaya industri yang membantu para pereka cipta, mencipta, meneroka dan menilai idea-idea baru dengan mudah, pantas dan berkos efektif, tanpa had berbanding dengan perisian tradisi. Pereka cipta menggunakan perisian solidThinking untuk mewujudkan prototaip mutlak foto realistik produk 3D merentas arena reka bentuk, daripada rangka bina dan automobil hinggalah kepada peranti elektronik, barang kemas, produk pembungkusan dan kapal layar. solidThinking ialah anak syarikat milik penuh Altair Engineering, Inc.

(www.altair.com). Altair Engineering ialah syarikat milik persendirian dan mempunyai lebih daripada 1,300 pekerja di Amerika utara, Amerika selatan, Eropah

dan Asia pasifik.

SUMBER solidThinking, Inc. (anak syarikat milik penuh Altair Engineering)

HUBUNGI: Jenn Korail,
+1-248-304-1429,
korail@airfoilpr.com; atau

Michael J. Kidder,
+1-248-614-2400, sambungan. 269,
media@altair.com,

kedua-duanya di solidThinking, Inc.

Laman Web : <http://www.solidthinking.com>
<http://www.altair.com>

Video: <http://www.prnewswire.com/mnr/altair/34019>